

UUM CORPORATE COMMUNICATION
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PEMAKLUMAN
PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN PENAKSIRAN
SECARA ATAS TALIAN DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERIKUTAN
PENULARAN WABAK COVID-19

Penularan wabak COVID-19 di Malaysia ketika ini menunjukkan peningkatan kes yang tinggi dari semasa ke semasa dan hampir semua negeri di Malaysia telah mempunyai kes positif.

Susulan perutusan khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 17 Mac 2020 mengenai arahan Kerajaan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan, mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020, di seluruh Negara, Universiti Utara Malaysia (UUM) amat prihatin dengan kebajikan pelajar, pensyarah dan seluruh warga Universiti terutamanya dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam dan di luar kampus.

Oleh itu, sebagai usaha universiti untuk membendung penularan wabak COVID-19 dan risiko kepada warga universiti dan masyarakat sekeliling, UUM telah mengambil keputusan melaksanakan perkara-perkara berikut berkaitan pembelajaran dan pengajaran dan penaksiran.

A. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

1. Cuti pertengahan semester bagi pelajar **sarjana muda** adalah mulai 18 – 31 Mac 2020.
2. Semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk dalam talian (*online*) untuk program **sarjanamuda**, **pasca siswazah** dan **Asasi Pengurusan** adalah dihentikan dalam tempoh tersebut
3. Mulai 1 April 2020 sehingga akhir semester, semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk program sarjanamuda, pasca siswazah dan Asasi Pengurusan akan dijalankan secara atas talian (*online*).

4. Sebarang komunikasi dengan pensyarah, pusat pengajian dan lain-lain jabatan di UUM akan dilakukan secara atas talian (online) atau media sosial.

B. PENAKSIRAN

1. Mulai 1 April 2020 sehingga akhir semester, sebarang bentuk penaksiran sama ada peperiksaan pertengahan semester, tugas, kuiz, pembentangan projek dan lain-lain termasuk peperiksaan akhir akan dilaksanakan secara atas talian (online) atau mana-mana kaedah yang akan dimaklumkan kelak.
2. Pensyarah diberi pilihan berikut:
 - i. Mengubah penaksiran kepada **100% kerja kursus**. Pusat Pengajian diberi tempoh sehingga 23 Mac 2020 untuk memaklumkan kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Akademik (HEA) mengenai maklumat perubahan penaksiran tersebut.
Pilihan ini **tidak dibenarkan untuk kursus program Pasca Siswazah** memandangkan pelajar telah berada di penghujung trimester 192.
 - ii. Melaksanakan peperiksaan akhir secara *take home exam*. Walau bagaimanapun soalan tersebut perlulah digubal dalam bentuk yang bersesuaian contohnya, esei atau mini kajian kes, dengan mengambilkira aras hasil pembelajaran serta soalan berbentuk *contextual* dan diolah supaya ianya adalah soalan yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi.
Rujuk H126: Take-Home Exam 1 sebagai contoh.
3. Soalan yang akan digunakan bagi peperiksaan akhir secara online perlu melalui proses pemurnian soalan (*vetting*) seperti biasa.
4. Soalan peperiksaan akhir tidak perlu dikemukakan kepada pihak HEA untuk cetakan. Walau bagaimanapun, soalan perlu disediakan untuk digunakan secara atas talian (*online*) nanti. Maklumat lanjut mengenai kaedah menyimpan soalan di Pusat Pengajian akan dimaklumkan kemudian.
5. Peperiksaan perlu diadakan mengikut tarikh yang telah ditetapkan bagi memastikan tarikh peperiksaan tidak bertindih. Maklumat tarikh peperiksaan akan dikeluarkan oleh pihak HEA dalam masa terdekat.
6. Sebarang tugas atau soalan peperiksaan akhir mestilah **tidak memerlukan pelajar keluar mencari maklumat di luar rumah**

7. Pensyarah perlu hadir ke **Bengkel WEBEX** yang dikendalikan oleh UUMIT (secara atas talian atau bersemuka) supaya pengendalian peperiksaan pertengahan semester dan peperiksaan akhir secara *online* dapat dipelajari dan digunakan dengan lancar semasa peperiksaan nanti.
8. Sesi **Viva** bagi program mod penyelidikan termasuk sarjana dan kedoktoran akan dikendalikan secara atas talian.

C. LAIN-LAIN HAL

1. Kemasukan pelajar baharu dan kuliah bagi trimester ketiga 2019/2020 (193) bagi program pasca siswazah akan diteruskan seperti biasa. *Graduate School* perlu mencari kaedah terbaik untuk menjalankan proses pendaftaran pelajar baharu tersebut.
2. Peperiksaan Muet-On-Demand yang telah dijadualkan pada 18 April 2020 akan diadakan seperti yang dirancang dan dilaksanakan dalam jumlah yang kecil.

PROF. DR. YUSNIDAH IBRAHIM
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Utara Malaysia

19 MAC 2020

Sebarang makluman atau pertanyaan lanjut, sila hubungi:

1. Prof Dr. Abdul Malek Abdul Karim
Pengarah UUMIT
04-9283020
2. Prof Madya Dr. Muhamad Shahbani Abu Bakar
Pengarah Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti
04-928 4700
3. Azian Nafiah
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik
04-928 3303